

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	7 NOVEMBER 2016

Lawatan PM ke China manfaat 550,000 pekebun kecil

KUALA LUMPUR 6 Nov. - Kira-kira 550,000 pekebun kecil kelapa sawit akan menerima manfaat besar daripada lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ke China yang merupakan negara pengimport kedua terbesar hasil komoditi itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mah Siew Keong (**gambar**) berkata, lawatan itu adalah sebagai usaha memulihkan penyusutan sebanyak 42 peratus terhadap eksport minyak sawit ke negara berkenaan pada tahun ini.

Katanya, sepanjang Januari hingga Ogos 2015, China yang mempunyai hampir 1.4 bilion populasi penduduk telah mengimport 1.8 juta tan metrik minyak sawit tetapi jumlah itu menyusut kepada 1.052 juta tan metrik bagi tempoh sama tahun ini.

"Hasrat Perdana Menteri dalam lawatan itu adalah untuk meningkatkan aktiviti eksport minyak sawit yang menjadi sumber pendapatan kedua terbesar Malaysia ke negara berkenaan dan kita percaya negara seramai 550,000 pekebun kecil mendapat manfaat.

"Dakwaan lawatan itu untuk menjual negara sama sekali tidak berasas kerana sebagai negara perdagangan, Malaysia memerlukan pelaburan untuk meningkatkan ekonomi dalam jangka masa panjang," katanya yang juga Presiden Gerakan Selepas menghadiri Majlis Rumah Terbuka Hari Deepavali 2016 parti tersebut di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Presiden Gerakan, Datuk A. Kohilan Pillay dan Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

Mengulas lanjut, Siew Keong berkata, Malaysia turut berbincang dengan China untuk membolehkan mereka memproses pelbagai produk di negara ini dan memasarkannya ke peringkat lebih tinggi.

"Ini membuktikan mereka melihat negara kita sebagai sebuah negara yang berpotensi dan mempunyai kestabilan ekonomi kerana



Um- 7/11/2016

Dakwaan lawatan itu untuk menjual negara sama sekali tidak berasas kerana sebagai negara perdagangan, Malaysia memerlukan pelaburan untuk meningkatkan ekonomi dalam jangka masa panjang."

MAH SIEW KEONG
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

setiap pelaburan daripada mana-mana negara mahukan pulangan yang sewajarnya," jelasnya.

Walau bagaimanapun, beliau berkata, usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan itu seharusnya dihargai rakyat dengan tidak melakukan pelbagai aktiviti tidak berfaedah seperti mengadakan demonstrasi jalanan yang boleh menggugat keyakinan pelabur luar.